
NESTLÉ #SKUADKEBAIKAN MILO®: KIRIMAN KEBAIKAN BERKHASIAH UNTUK KOMUNITI YANG MEMERLUKAN

PETALING JAYA, 20 MEI 2020: Tujuh pertubuhan kebajikan di seluruh Malaysia telah mula menerima kiriman produk Nestlé melalui #SkuadKebaikan MILO® hasil sumbangan ikhlas rakyat Malaysia menerusi pembelian dalam talian Shopee sepanjang bulan Ramadan ini.

#SkuadKebaikan MILO® merupakan kempen yang dilancarkan oleh jenama minuman malt coklat berkhasiat kegemaran rakyat itu dengan kerjasama laman e-dagang Shopee yang menyatukan komuniti dalam talian di Malaysia untuk sama-sama menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan. Kempen yang sedang berlangsung sehingga 23 Mei ini memberikan peluang kepada pelanggan dalam talian untuk menyampaikan sumbangan pek 'bundle' yang mengandungi serbuk MILO® serta produk Nestlé yang lain bernilai RM25, RM55, RM95 dan RM155 setiap satu.

Kesemua pembelian pek 'bundle' #SkuadKebaikan MILO® didermakan dan diagihkan secara sama rata kepada tujuh pertubuhan kebajikan tersebut yang masing-masing membantu golongan yang memerlukan, termasuk keluarga berpendapatan rendah dan mereka yang terkesan oleh COVID-19. Pertubuhan yang dimaksudkan ialah Food Aid Foundation, Pertubuhan Kebajikan Baitul Hasan Kuala Lumpur, Yellow House Kuala Lumpur, Yayasan Sultanah Bahiyah, Yayasan Pesona, Persatuan Kebajikan Ummah dan Humanitarian Care Malaysia (MyCare).

Selain itu, MILO® turut menyumbangkan 10% daripada hasil penjualan produk MILO® serbuk dan MILO® *Mixes* yang lain di Shopee sepanjang tempoh kempen #SkuadKebaikan MILO® dalam bentuk produk Nestlé kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan yang sama.

Pada April lalu, Nestlé Malaysia telah menyampaikan sumbangan berjumlah RM15 juta menerusi Nestlé Cares serta inisiatif-inisiatif lain yang disokong oleh pelbagai jenama di bawah Syarikat itu.

Maria Murni Nur Azmi, Pengurus Pemasaran Pengguna – MILO®, Nestlé Malaysia berkata beliau amat terharu dengan sokongan serta keprihatinan rakyat untuk saling bantu-membantu walaupun terpaksa menjaga jarak antara satu sama lain pada ketika ini. “Jarak bukanlah penghalang untuk berkongsi kebaikan. Oleh itu, kami amat menghargai sumbangan rakyat dalam usaha bersama *kita jaga kita* agar kebaikan berkhasiat ini dapat dimanfaatkan oleh semua.” Tambah beliau, lebih 600 pek ‘bundle’ #SkuadKebaikan MILO® telah dijual setakat ini.

“Kami berharap kiriman #SkuadKebaikan MILO® ini dapat meringankan beban komuniti yang dibantu selain membekalkan zat makanan yang diperlukan untuk melangkah jauh seterusnya.”



Sukarelawan Food Aid Foundation bertugas mengagihkan bahan makanan menerusi kiriman #SkuadKebaikan MILO®.

Bagi Food Aid Foundation, sumbangan ini amat dialu-alukan ketika usaha untuk menampung keperluan keluarga dan komuniti yang dibantunya sedang memuncak. Menurut Pengasas, Rick Chee, “Kami sedang giat melipatgandakan usaha kami di seluruh negara di mana impak COVID-19 telah menyebabkan ramai kehilangan punca pendapatan. Situasi ini semakin kritikal lebih-lebih lagi sekarang menjelang Hari Raya Aidilfitri. Keluarga yang terjejas ini, termasuk golongan miskin bandar di sekitar Lembah Kelang, langsung tidak berkemampuan sehingga terpaksa bergantung sepenuhnya pada bekalan bank makanan kami untuk kelangsungan hidup.”



Yayasan Sultanah Bahiyah merupakan salah satu pertubuhan kebajikan yang menerima bantuan kempen #SkuadKebaikan MILO®.

Sementara itu, di Kedah tempat Yayasan Sultanah Bahiyah beroperasi, kiriman #SkuadKebaikan MILO® akan dimanfaatkan oleh komuniti di kawasan pedalaman di mana bekalan makanan semakin terhad disebabkan oleh impak COVID-19. “Sebilangan besar penerima bantuan kami masih belum dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan norma baharu. Kami bersyukur kerana sumbangan #SkuadKebaikan MILO® ini setidak-tidaknya memastikan mereka tidak terputus bekalan bahan asas pada waktu getir ini,” kata Pengurus Besar, Misbah Binti Dato’ Haji Abdul Hamid.

Kempen #SkuadKebaikan MILO® tamat pada 23 Mei 2020. Untuk menyampaikan sumbangan serta berkongsi kebaikan tenaga berkhasiat MILO®, layari <http://shopee.com.my/milo>.

###

Tentang MILO®

MILO®, minuman berkhasiat malt coklat yang terkemuka di Malaysia telah diperkenalkan pada tahun 1950 dan dikenali dengan rasa unik yang menjadi pilihan rakyat Malaysia. Dipenuhi dengan kebaikan semula jadi malt, susu dan koko, dan diperkaya dengan ACTIV-GO®; campuran unik

vitamin dan mineral, MILO® merupakan minuman yang paling popular di Malaysia dan telah melahirkan generasi juara sejak dari dulu lagi.

Tentang Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Dengan ibu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 negara di seluruh dunia dan semua pekerja kami seramai 328,000 orang komited dalam membantu mencapai tujuan Nestlé untuk meningkatkan kualiti hidup dan mencapai masa depan yang lebih sihat. Matlamat kami didorong oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak tahun 1912, Nestlé telah dipercayai oleh pengguna kami menerusi jenama-jenama dan produk-produk kami yang berkualiti. Kami komited dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat di mana saja kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan integriti Halal. Ini selaras dengan janji kami dalam memberikan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana kami telah membantu rakyat Malaysia menjalani kehidupan sihat selama lebih satu abad, sila layari www.nestle.com.my atau laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Untuk maklumat lanjut, hubungi:

NESTLÉ (MALAYSIA) BERHAD**Maxine Lim**

Tel: (+603) 7965 5185

Emel: Maxine.Lim@my.nestlé.com**OGILVY MALAYSIA****Zaki Arzmi**

Tel: (+6016) 292 2948

Emel: zaki.arzmi@ogilvy.com**Azhary Azhar**

Tel: (+6013) 271 9500

Emel: azhary.azhar@ogilvy.com